

**Perkongsian Trans-pasifik Dimuktamad Tahun Depan - Najib
Bernama
20 November, 2012
Oleh Jamaluddin Muhammad**

PHNOM PENH, 20 Nov (Bernama) -- Malaysia bersetuju rundingan bagi penubuhan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), satu skim perdagangan bebas rantau Asia-Pasifik hasil inisiatif Amerika, dimuktamadkan menjelang akhir tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Selasa.

Beliau berkata sehingga kini, 14 pusingan rundingan telah diadakan dan perbincangan tentang teks berkenaan kini bertumpu pada peruntukan yang menimbulkan kerumitan dan pertikaian.

"Saya menegaskan bahawa semua peserta perlu mempamerkan sikap fleksibel untuk mencapai pakej yang boleh diterima, iaitu sesuatu yang seimbang dan dapat dilaksanakan. Singapura, Vietnam dan Brunei juga menyuarakan pandangan serupa," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri mesyuarat TPP di sini.

TPP mengandungi 11 anggota ketika ini dan tujuh daripadanya -- Australia, Brunei, Malaysia, New Zealand, Singapura, Vietnam dan Amerika -- menghadiri mesyuarat hari ini. Empat lagi anggotanya ialah Chile, Peru, Mexico dan Kanada.

Pemimpin tujuh negara berkenaan berada di sini kerana menghadiri Sidang Kemuncak Berkaitan, yang diadakan selepas Sidang Kemuncak Asean Ke-21.

Presiden Amerika Barack Obama turut menghadiri mesyuarat hari ini.

"Semua pemimpin bersetuju agar TPP akan menjadi satu perjanjian berkualiti tinggi yang mampu menarik lebih banyak anggota serta menyumbang kepada penyepaduan rantau Asia-Pasifik," kata Najib.

Beliau mencadangkan agar pertimbangan diberi untuk menetapkan tempoh peralihan bagi membincangkan isu rumit seperti cara pragmatik untuk memuktamadkan rundingan berkenaan.

Rundingan melibatkan dua aspek, dengan teks undang-undang setiap bab menggariskan tentang hak dan tanggungjawab anggota serta jadual akses kepada pasaran bagi barangan, perkhidmatan dan pemerolehan kerajaan.

Mengenai akses pasaran, Najib berkata peserta mengkaji tawaran awal dan cuba menambah baik tawaran satu sama lain.

Daripada sebanyak 29 bab yang dicadangkan, rundingan tentang tiga bab -- Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME), Dasar Kerjasama dan Pembinaan Keupayaan dan Persaingan -- telah dimuktamadkan.

Rundingan tentang pemerolehan kerajaan, perusahaan milik negara, harta intelek, buruh dan alam sekitar memberi beberapa cabaran kepada Malaysia.

"TPP akan merangkumi 28 peratus daripada jumlah dagangan global kita. Dengan semua FTA lain yang kita ada, dan sedang dirundingkan, ini akan menghasilkan jumlah dagangan di bawah layanan keutamaan kepada lebih 80 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia," kata Najib.

Dalam bahasa orang kebanyakan, lebih 80 peratus daripada dagangan Malaysia akhirnya akan dijalankan secara bebas cukai.

Dengan adanya TPP, melalui hanya satu inisiatif rundingan, Malaysia akan dapat mewujudkan aturan keutamaan bagi akses pasaran dengan empat negara -- Amerika, Mexico, Kanada dan Peru -- yang Malaysia tidak tandatangani FTA dengan mereka.

Perjanjian TPP juga akan mengandungi langkah untuk membolehkan rantaian bekalan berfungsi dengan mudah.

"Sebagai sebahagian daripada rantaian bekalan TPP, Malaysia memiliki potensi untuk menarik pelabur dan menjadikan negara kita destinasi pelaburan yang diberi keutamaan.

"TPP juga mempunyai bab berkaitan SME, yang mengandungi peruntukan pemungkin untuk meningkatkan penyepaduan SME ke dalam rangkaian global melalui pertukaran maklumat, pembinaan keupayaan dan program lain yang akan diteroka sebaik sahaja perjanjian ini dikuatkuasakan kelak," kata Najib.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710304>